

Kertas Kerja Permohonan Bantuan Dana- Surau Nurul Iman PUJ 8 & 9

Objektif

- Mengumpul dana untuk menyiapkan Projek Pembesaran Surau Nurul Iman yang dianggarkan menelan belanja RM 220,000 yang bermula April 2015
- Untuk kegunaan mana-mana pihak yang sudi membawa perkara ini kepada pihak-pihak yang dapat memberi bantuan kewangan kepada pihak surau. Boleh dicetak dari <https://imanpuj.wordpress.com> untuk diedarkan kepada pihak yang dapat membantu

Pengenalan surau



Surau Nurul Iman (SNI) terletak di Taman Puncak Jalil Fasa 9. Bangunan yang ada sekarang telah mula digunakan pada 16 September 2013. Anggaran perbelanjaan untuk menyiapkan bangunan surau ialah kira-kira RM 500,000 . Sebahagian kos tersebut telah ditampung melalui sumbangan khas kerajaan Malaysia sebanyak RM 300,000 yang diluluskan oleh Y.A. Tan Sri Dato' Haji Muhyidin bin Haji Mohammad Yassin manakali selebihnya adalah daripada sumbangan orang ramai dan sektor korporat.

Surau Nurul Iman telah mendapat kelulusan untuk melaksanakan solat jumaat daripada Jabatan Agama Islam Selangor(JAIS) bermula 7 Mac 2014. Bangunan sekarang didapati 90% penuh ketika solat jumaat. Mungkin dalam masa beberapa bulan lagi jemaah akan melimpah kerana Sekolah Menengah Taman Puncak Jalil yang akan beroperasi pada tahun 2015 dan beberapa rumah yang sedang dibina di kawasan berhampiran.

Sejarah Ringkas Surau

Oktober 2011 - Usaha untuk mendirikan surau telah bermula sejak 2011 dengan beberapa siri gotong-royong membersihkan tapak oleh penduduk setempat.

Jun 2012 - membeli kontena bersaiz 40 x 20 kaki untuk digunakan sebagai surau sementara



Julai 2012- Kedatangan jemaah semasa Ramadan amat menggalakkan sehingga khemah luar



Mac 2013 – Kerja-kerja “footing” untuk bangunan kekal bermula

April 2013 – Surau menerima sumbangan khas daripada kerajaan Malaysia sebanyak RM300,000.00 yang diluluskan oleh Yang Amat Berhormat Tan Sri Dato' Haji Muhyidin bin Haji Mohammad Yassin

Jun 2013 – Mesyuarat Agung pertama pencalonan Ahli Jawatan Kuasa Surau Nurul Iman

September 2013 – Surau baru siap sepenuhnya

Oktober 2013 – Permohonan untuk mendirikan solat Jumaat dihantar ke JAIS

Jan 2014 – Pegawai JAIS melawat SNI untuk kelulusan solat Jumaat

Mac 2014 – Mula solat Jumaat


Berikut adalah maklumat Surau Nurul Iman(SNI) yang baru siap dibina September 2013:

Koordinat	3.038869,101.681292
Anggaran keluasan berbumbung	Lebih 4200 kaki persegi
Anggaran Kapasiti Surau	200 orang di ruang utama dan 200 orang di luar
Anggaran jarak SNI ke surau / masjid solat Jumaat yang paling hampir	3KM ke Surau al-Ikhwan di Jalan PUJ 2/35 6KM ke Masjid Al Ehsan BK5 7KM ke Masjid Muttaqin Tmn Equine
Anggaran jumlah rumah Islam	500 buah rumah penduduk Islam di PUJ 8 dan PUJ 9 100 buah di Pangsapuri Mayang PUJ8

Ahli kariah

Taman Puncak Jalil terdiri daripada 11 Fasa. Dianggarkan terdapat lebih 600 rumah penduduk Islam di kawasan PUJ Fasa 8 dan PUJ Fasa 9 . Ini belum mengambil kira bilangan anak-anak. Majoriti di sini ialah mereka yang masih mempunyai anak-anak yang bersekolah. Dengan siapnya sekolah menengah berhampiran maka menjadi keperluan untuk anak-anak untuk solat jumaat berhampiran dengan rumah mereka. Terdapat 2 surau yang diberi kebenaran untuk menjalankan solat Jumaat iaitu Surau Nurul Iman PUJ 9 dan Surau al-ikhwan PUJ 2. Jadi kedua-dua surau ini menampung jemaah yang datangnya dari seluruh 11 Fasa Taman Puncak Jalil dan juga taman-taman perumahan berhampiran ,

Surau ini terletak di bawah Masjid Muttaqin Taman Equine manakala urusan khairat kematian pula di bawah Khairat Kematian Qaryah Serdang.



Pembinaan awal surau

Ringkasan Kos Berkaitan Dengan Pembinaan Surau Nurul Iman Mengikut Kontraktor:

1. Surau Sementara - KABIN (2012) - RM23,734.90
2. HN Abadi Enterprise – Tandas(2012) - Sumbangan ICU (JPM) Dalam Bentuk Kerja
3. Jalinan Dimensi Enterprise – Footing Surau RM39,247.50
4. Gemilang I.T Sdn. Bhd (1129997-P) – Bangunan surau utama RM 315,000.00
5. Indok Jaya Services (001901791-W) Pendawaian- RM15,000.00
6. Menyiapkan baki-baki kerja RM142,234.90

Kemudahan yang terdapat di Surau Nurul Iman PUJ 8 & PUJ 9

1. Sistem penghawa dingin sebanyak 7 unit
2. Sistem pembesar suara
3. CCTV
4. Permaidani
5. Kolah

Projek Pembesaran Surau

Projek ini telah dibentangkan sejak 17 Nov 2013 lagi. Pembesaran surau ini adalah penting untuk menampung jemaah yang semakin ramai disamping menyediakan kemudahan-kemudahan lain iaitu :

1. Dewan solat (boleh digunakan untuk pengurusan jenazah)
2. Kelas-kelas
3. Tandas
4. Bilik mandi jenazah



Dewan solat di tingkat bawah akan digunakan untuk menampung limpahan jemaah pada masa hadapan dan boleh juga digunakan untuk kelas-kelas atau bilik pengurusan jenazah. Ruang antara bangunan utama dan bangunan baru juga akan dipasang awning untuk menampung jemaah.



Jemaah solat di hadapan kawasan kolah



Jemaah Penuh hingga saf terakhir

Gambar-gambar dari Kamera Litar Tertutup Surau

Antara kekurangan yang paling ketara ialah kemudahan tandas. Tandas yang ada sekarang dibina sebelum bangunan utama dibina. Tandas dibina pada tahun 2012 oleh HN ABADI ENTERPRISE – SUMBANGAN oleh Unit Penyelaras Pelaksanaan (ICU) Jabatan Perdana Menteri.



Tandas lama akan dirobohkan untuk pembinaan blok baru

Bilik mandi jenazah dan bilik kfan jenazah juga sangat diperlukan memandangkan surau-surau lain di Taman Puncak Jalil tidak mempunyai kemudahan tersebut. Kemudahan terdekat terletak di Masjid Kinrara dan Masjid Equine.

Kontraktor

Surau telah membuat iklan untuk menjemput kontraktor yang berminat untuk menghantar kertas kerja sejak November 2014 dan akhirnya hanya 6 sahaja kontraktor yang telah menghantar sebut harga. Setelah diambil kira semua faktor, pihak surau telah memilih Ayra Engineering.

Nama Syarikat / Individu	Sebut harga
Fibre Composite Sdn Bhd	RM 297 500
Zulkifly Bin Mahad	RM 500 000
Amiruddin Bin Sulaiman	RM 270 000
Perniagaan Mutiara Amal	RM406 872
Perniagaan Madamor	RM 342 616
Ayra Engineering Sdn Bhd	RM 220 000

Sumber Kewangan

1. Derma Tabung Surau

Purata kutipan setiap Jumaat adalah dalam lingkungan RM1000 ke RM1200.

2. Kempen sumbangan tetap daripada setiap rumah.

Kaedah ini telah digunakan semasa pembinaan surau pada tahun 2013 di mana surat-surat telah diedarkan ke semua rumah penduduk Islam PUJ 8 & 9. Dalam mesyuarat 16 Mac 2013, AJK mencadangkan dan bersetuju agar setiap rumah di PUJ 8 dan PUJ 9 menyumbangkan sebanyak RM50 sebulan selama 6 bulan bermula Mac 2013 untuk fasa pertama.

Analisa Setakat 8 Mei 2013 tidak memberangsangkan iaitu dianggarkan 26% dari keseluruhan penduduk Islam yang sahaja yang menyumbang :

DERMA	8/1 ke 8/5	8/6 ke 8/10	9/1 ke 9/6	Semi D	9/12 ke 9/16	9/17 ke 9/20	9/21 ke 9/27	Jumlah	%
Tidak	44	20	47	22	41	11	46	231	74%
Ya	3	5	23	9	18	8	15	81	26%
Jumlah	47	25	70	31	59	19	61	312	100

3. Contoh Iklan di media sosial dan media mobil

Surau Nurul Iman PUJ 8 dan 9 Taman Puncak Jalil memerlukan dana untuk menyiapkan surau baru

Surau Nurul Iman Tmn Puncak Jalil - Bank Islam **1423-80-1000-2046** - 3-1418

Contoh iklan media sosial 2013

Contoh poster diiklankan melalui media sosial dan mobil.

Jom Derma untuk Fasa 2 Surau Nurul Iman PUJ 8 & 9

Anggaran blok baru perlu RM 200,000

Surau sedia ada (2014)

SURAU NURUL IMAN Tmn Puncak Jalil PUJ 8 & 9
Bank Islam Malaysia Berhad **1423-801000-2046**

Blok baru (tandas + stor + bilik serbaguna/jenazah/kelas). Sempena Ramadan ini setiap rumah menderma RM100 atau lebih lagi.

nurulimanpuncakjalil@gmail.com FB: Surau Nurul Iman Puncak Jalil

Contoh iklan media sosial 2014

Kedudukan kewangan surau adalah tidak mencukupi. Surau bercadang untuk melancarkan kempen menderma di kalangan ahli kariah seperti yang telah dibuat pada tahun 2013 dengan menghantar surat ke rumah-rumah dan mesej melalui group whatsapp dan facebook .

Baki Penyata Kewangan Bank Islam . **SURAU NURUL IMAN PUJ 9** Nombor akaun : **14238010002046**

Bulan	Baki
Disember 2014	RM 63 662.89
Januari 2015	RM 66 274.55
Febuari 2015	RM 74 812.91

Aktiviti Surau

Surau ini juga kerap menganjurkan pelbagai aktiviti yang mendapat sambutan penduduk.

1. Purata lebih kurang 15 kuliah maghrib setiap bulan meliputi kuliah tauhid , tasawuf , hadis , tafsir , fiqah dan lain-lain lagi.
2. kelas Quran kanak-kanak 3 kali seminggu
3. kelas Quran muslimat
4. kuliah Dhuha utk muslimat setiap Sabtu atau Ahad

Aktiviti lain :

<ol style="list-style-type: none">1. Kem motivasi anak-anak2. Majlis iftar / berbuka ramadan & puasa-puasa sunat e.g. hari arafah3. Kuliah Rumahtangga4. Ziarah ahli kariah5. Kursus Jenazah6. Korban	<ol style="list-style-type: none">7. Kutipan dana musibah dll.8. Meraikan anak yatim9. Qiyamullail10. Khairat kematian11. Solat Jenazah Ghaib
--	---

Program Sembelih lembu korban di surau sudah diadakan sejak 2012. Bilangan lembu - 4 ekor 2012, 6 ekor 2013 dan 6 ekor 2014

Gambar ibadah korban di surau nurul iman.



Faktor lain

Sekolah Menengah

Projek pembesaran surau ini adalah penting kerana dijangka Sekolah Menengah Taman Puncak Jalil yg terletak kira-kira 1 KM dari surau nurul iman akan dibuka sebelum hujung tahun 2015. Sebelum ini ramai pelajar menengah yang bersekolah di Bandar Kinrara tetapi jika sekolah ini siap maka ramailah yang akan solat di Surau Nurul Iman.



Tiada Sekolah Rendah Agama (SRA) di Taman Puncak Jalil

Tapak SRA terletak di seberang jalan Surau Nurul Iman namun belum ada usaha untuk mendirikan sekolah tersebut. Kebanyakan pelajar terpaksa belajar di KAFA swasta atau SRA yang terdekat terletak di Bandar Kinrara. Justeru itu Surau Nurul Iman perlu mengambil langkah permulaan untuk mewujudkan kelas-kelas agama untuk anak-anak.

Kesimpulan

Berdasarkan maklumat-maklumat yang dibentangkan, projek pembesaran ini memerlukan sumber bantuan yang berskala besar. Memandangkan tujuannya ialah untuk pembesaran ruang solat dan pelbagai kemudahan lain maka usaha-usaha untuk mencari dana amat dialu-alukan.

Sumbangan boleh dibuat ke

Nama : **SURAU NURUL IMAN PUJ 9**

No. Akaun: **14238010002046** (Bank Islam Malaysia Berhad)

Untuk pertanyaan sila hubungi (telefon/sms/whatsapp)

Setiausaha – Encik Rashdan Abd Aziz 012-2931416

AJK Pembangunan – Hj Jusram Bin Laho 013-3467819

AJK – Encik Imran Hazimin Bin Othman 013-3427314

<https://imanpuj.wordpress.com>

nurulimanpuncakjalil@gmail.com

<http://www.facebook.com/pages/Surau-Nurul-Iman-Puncak-Jalil/282997368391403>

Kemaskini terakhir : 9 April 2015